

Tarikh Dibaca: 24 Januari 2025M | 24 Rajab 1446H



ISLAMIC · SAVIOUR · OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

**“IBADAH SOLAT: WASIAT AGUNG
ISRAK MIKRAJ”**

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"IBADAH SOLAT: WASIAT AGUNG ISRAK MIKRAJ"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ
الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَ مِنْ
آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى
آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan
kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan

¹ Al-Isra' : 1

² Ali-'Imran: 102.

meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **"IBADAH SOLAT: WASIAT AGUNG ISRAK MIKRAJ"**.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Dalam perjalanan Israk, Rasulullah SAW dibawa dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa, yang menunjukkan kedudukan istimewa Masjid al-Aqsa sebagai kiblat pertama umat Islam dan simbol kesatuan akidah para Nabi Alaihimussalam. Mikraj pula menyaksikan Baginda SAW diangkat menembusi tujuh lapisan langit hingga ke Sidratul Muntaha untuk diperlihatkan kebesaran Allah SWT serta menjadi medan penerimaan wahyu agung iaitu ibadah solat lima waktu. Inilah satu-satunya ibadah yang diwahyukan tanpa perantara Jibril Alaihissalam, menandakan bahawa solat merupakan tiang seri dan rukun Islam yang utama.

Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Isra' ayat pertama sepertimana yang telah dibacakan pada awal khutbah yang bermaksud:

"Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid al-Haram (di Makkah) ke Masjid al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."

Ayat ini memberikan dimensi yang lebih luas berkenaan peristiwa Israk dan Mikraj yang bukan sahaja berkisar tentang perjalanan fizikal Nabi SAW tetapi juga merangkumi hikmah spiritual, pengukuhan akidah dan amanah besar yang diterima umat Islam melalui perintah solat.

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Adakah kita benar-benar memahami kepentingan dan keistimewaan ibadah solat? Ketikamana seluruh ibadah lain disampaikan melalui wahyu di bumi, hanya solat yang diperintahkan Allah SWT secara langsung di Sidratul Muntaha dalam peristiwa Israk dan Mikraj. Pensyariatan ini telah dirakamkan dalam riwayat yang masyhur yang mana pada akhirnya diwajibkan ke atas umat Islam untuk melaksanakan solat fardu sebanyak lima waktu.

Hadis yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

...فَرَجَعْتُ رَبِّي، فَقَالَ: هِيَ خَمْسٌ وَهِيَ خَمْسُونَ لَا
يُبَدَّلُ الْقَوْلُ لَدَيَّ...

"...maka aku kembali kepada Tuhanku, lalu Dia berfirman: Solat itu lima (waktu) dan ia sebenarnya menyamai 50 (waktu). Keputusan di sisi-Ku tidak akan berubah...."

(Riwayat Muslim).

Berdasarkan hadis di atas, perlu kita fahami bahawa solat tidak hanya menjadi kewajipan yang ditentukan waktunya, bahkan ia menjadi simbol ketaatan dan pengabdian sepenuhnya kepada Allah SWT. Solat yang

didirikan dengan penuh khusyuk dan penghayatan pasti akan mampu mencegah seseorang daripada keburukan yang berpunca daripada hawa nafsu seperti berzina, menonton video berunsur pornografi, terjebak dalam budaya songsang LGBT, mengucapkan kata-kata kesat, mengumpat, memfitnah dan sebagainya. Begitu juga ia mampu mencegah kemungkaran yang muncul daripada penyakit hati sehingga menyebabkan berlakunya penyelewengan, penipuan, pencurian dan lain-lain.

Firman Allah SWT dalam surah al-'Ankabut ayat 45 yang bermaksud:

"Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan"

Hadirin Jumaat yang berbahagia,

Realiti pada hari ini amat menyedihkan apabila kita melihat ramai dalam kalangan umat Islam yang mengabaikan tanggungjawab utama mereka terhadap Allah SWT, iaitu solat. Ada yang meninggalkan solat secara sengaja tanpa rasa berdosa, ada yang meremehkan kepentingan solat dengan mendahulukan urusan duniawi, dan ada pula yang lewat-lewatkan solat sehingga habis waktunya.

Tidakkah kita sedar bahawa meninggalkan atau lewat-lewatkan solat bukan sahaja menzahirkan kelemahan iman, tetapi turut membuka pintu kepada kerosakan akhlak, ketandusan jiwa dan mencetuskan pelbagai permasalahan sosial.

Sesungguhnya, meninggalkan solat dengan sengaja adalah perbuatan yang haram dan tergolong dalam dosa besar. Allah SWT telah berfirman dalam surah Maryam ayat 59 yang bermaksud:

"Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka)"

Sa'id bin al-Musayyib Rahimahullah menyebutkan bahawa:

"Maksud 'meninggalkan solat' adalah seseorang yang yang tidak solat zohor kecuali sehingga datangnya waktu asar, dan tidak solat asar sehingga datangnya waktu maghrib, dan tidak solat maghrib sehingga datangnya waktu isya' dan tidak solat isya' sehingga datangnya waktu fajar solat subuh, kemudian tidak menunaikan solat subuh sehingga terbitnya matahari. Maka sesiapa yang mati dalam keadaan sebegini dan tidak sempat bertaubat, maka Allah SWT akan meletakkannya sebagai orang yang berdosa besar, dan menempatkannya di neraka Jahanam, di bahagian yang paling dalam."

Sebahagian ulama juga menghukumkan orang yang meninggalkan solat secara sengaja sebagai kufur atau terkeluar daripada Islam berdasarkan hadis yang diriwayatkan daripada Jabir Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشِّرْكِ وَالْكَفْرِ تَرْكُ الصَّلَاةِ

"Yang membezakan antara seorang hamba (yang mukmin) dengan syirik dan kekufuran, iaitu meninggalkan solat."

(Riwayat Muslim).

Terlalu banyak nas al-Quran dan hadis yang memberi ancaman keras serta menjanjikan azab yang pedih bagi mereka yang mengabaikan solat. Oleh itu, renungilah firman Allah SWT dalam Surah al-Muddaththir ayat 42 dan 43:

مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ ﴿٤٢﴾ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾

*"(Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata):
"Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar?"
Orang-orang yang bersalah itu menjawab: "Kami tidak termasuk dalam
kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang;"*

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Di sebalik pensyariatian solat dalam peristiwa agung ini, ia juga mengajar kita tentang konsep "Ubudiyah" iaitu satu prinsip ketaatan yang mutlak, melaksanakan ibadah semata-mata kerana perintah Allah SWT, walaupun tidak ada sebarang pembuktian saintifik, di mana akal tidak akan mampu memahami keseluruhan hikmah di sebaliknya.

Allah SWT mengingatkan kita dalam al-Quran bahawa terlalu banyak tanda kebesaran-Nya merangkumi perkara-perkara ghaib dan peristiwa-peristiwa yang tidak dapat dicapai oleh akal manusia secara langsung. Sepertimana peristiwa Israk dan Mikraj yang hakikatnya bukan sekadar perjalanan luar biasa yang wajib kita imani bahkan sebenarnya ia mengandungi hikmah besar yang mengajar kita erti kepatuhan dan ketaatan mutlak kepada Allah SWT.

Namun, jika ada penemuan saintifik yang membuktikan ayat-ayat al-Quran dan hadis, maka ia bukanlah asas keimanan, tetapi menjadi pemangkin untuk kita lebih mendekati diri kepada Allah SWT. Keimanan kepada wahyu jauh melangkaui logik sains dan materialistik, kerana ia berakar pada keyakinan dan hakikat Ubudiyah yakni pengabdian sepenuhnya kepada Allah SWT.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Peristiwa Israk dan Mikraj telah mengajarkan kita bahawa ibadah solat bukan hanya kewajipan ritual yang perlu kita laksanakan setiap hari, tetapi ia adalah jalan menuju keberkatan hidup di dunia dan akhirat.

Jika kita benar-benar menunaikan solat dengan memenuhi segala rukun, syarat dan maqasid yang tersirat di sebaliknya, seharusnya ia menjadikan kita sentiasa mengingati Allah SWT serta berupaya menghilangkan sifat-sifat mazmumah seperti amarah, sombong dan ego sekaligus menggantikannya dengan sifat-sifat mahmudah seperti sabar dan tawaduk merendah diri. Apabila sifat-sifat mahmudah ini tersemat kukuh dalam diri kita, ia menjadi tanda bahawa solat kita bukan sahaja diterima, bahkan ia mampu merubah akhlak dan perilaku kita daripada buruk menjadi baik.

Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 103 yang bermaksud:

"Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka hendaklah kamu menyebut dan mengingati Allah semasa kamu berdiri atau duduk, dan semasa kamu berbaring. Kemudian apabila kamu telah merasa tenteram (berada dalam keadaan aman) maka dirikanlah

sembahyang itu (dengan sempurna sebagaimana biasa). Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya."

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil iktibar dengan memahami, mengingati dan mengamalkan perkara-perkara berikut dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah menghayati peristiwa Israk dan Mikraj yang mengajarkan konsep Ubudiyah, menyeru kita untuk beriman dan melaksanakan perintah Allah SWT tanpa sebarang keraguan.
2. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa meninggalkan solat atau sengaja melengah-lengahkannya adalah tindakan yang membuka pintu kemurkaan Allah SWT dan mengundang azab-Nya.
3. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa solat bukan hanya sekadar ibadah, tetapi ia adalah kunci kepada keberkatan hidup di dunia dan akhirat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
رَبِّ اجْعَلْنِي مُقِيمَ الصَّلَاةِ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ ۝

"Wahai Tuhanku! Jadikanlah daku orang yang mendirikan sembahyang dan demikianlah juga zuriat keturunanku. Wahai Tuhan kami, perkenankanlah doa permohonanku."

(Surah Ibrahim: 40)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا
فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ
إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَهٗ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيَّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَعَكُّوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظَفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرِّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, takdir yang buruk dan kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri

kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Kukuhkanlah Ya Allah, pegangan akidah umat Islam di negeri ini, akidah yang berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.